

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10)
PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)
PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian.

BM



Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia




AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Perabot daripada batik dan songket

Senarai Berita (/berita)

Perabot daripada batik dan songket


Oleh Azman Zakaria



KUALA LUMPUR, 12 Mac - Warisan seni tradisional batik dan songket semakin segar dalam kepelbagaian penggunaannya dan terus mendapat tempat dalam kehidupan seharian masyarakat.

Penggunaannya kini turut diberi pembaharuan, termasuk diaplikasi dalam penghasilan perabot sama ada yang berbentuk kontemporari atau pun moden.

Sekumpulan pensyarah dan pelajar Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) menzahirkan reka bentuk perabot yang unik dengan menjadikan batik dan songket sebagai motif rekabentuk itu.



Melalui kreativiti dan idea inovatif, mereka menghasilkan 12 produk, antaranya meja sisi (side table), lampu meja, hiasan dinding (wall deco), 'arm chair' (sofa), bangku (stool), kerusi malas, kusyen, serta kerusi dan meja berkonsep mangkuk tingkat atau siya.

Produk itu dipamerkan pada Export Furniture Exhibition (EFE) 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Kumpulan pensyarah dan pelajar FRSB itu mengetengahkan konsep 'Contemporary Aesthetic Inspiration Neo-Living' (KAIN), dalam koleksi rekabentuk perabot yang mengadunkan nilai seni budaya itu dalam kehidupan moden.

LIHAT JUGA



UPM-Royal Bird's Nest jalin kerjasama komersil AWESome (/berita/upm_royal_birds_nest_jalin_kerjasama_komersil_awesome-38535)



MyBrain Challenge UPM serlah kecemerlangan pelajar (/berita/mybrain_challenge_upm_serlah_kecemerlangan_pelajar-38533)



Perabot daripada batik dan songket (/berita/perabot_daripada_batik_dan_songket-38527)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1522299889

Berkonsepan KAIN, ia adalah cara unik dalam menzahirkan keindahan seni yang terdapat pada batik dan songket Malaysia, yang diterjemah dan digabung jalinkan dengan perabot.

Pensyarah kanan, Jabatan Rekbabentuk Perindustrian, FRSB, Prof. Madya Dr. Nazlina Shaari berkata mereka mengetengahkan konsep KAIN daripada batik dan songket untuk memberi satu bentuk pembaharuan kepada masyarakat bahawa seni batik dan songket boleh diaplikasikan dalam pembuatan perabot kontemporari dan moden.

"Semua produk yang dihasilkan berinspirasi batik dan songket... bukan sahaja diaplikasikan kepada kain atau perabot tetapi motif-motif itu juga digunakan dalam mereka bentuk dan membangunkan perabot itu sendiri," katanya.

Antaranya meja sisi (side table) diperbuat daripada kayu yang disusun atur dengan papan permukaan meja bermotifkan batik dan songket.

Juga hiasan dinding (wall deco) bermotifkan songket yang dihasilkan menggunakan teknik photo etching (hakisian asid) ke atas plat tembaga, bangku (stool) daripada konsep Bunga Pecah Lapan, seta meja dan lampu menggunakan konsep 'borchade.'

Kerusi malas berkonsep gong, yang tempat duduknya dibangunkan menggunakan kayu dan kain buruk yang diletakkanya di tengah-tengah di antara lapisan kayu tempat duduk itu, sekali gus membantu dalam proses kitar semula kain-kain buruk. Ia dilengkapi dengan kemasam kusyen bercorak batik.

Keindahan corak batik dan songket juga diterapkan dalam lampu meja 'Lampu Batik Metafora Melayu' (Malay Metafore Batik Lamp) melalui corak batik daripada pelbagai gabungan pantun atau puisi Melayu, antaranya 'bagai aur dengan tebing,' dan 'kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai'.

Juga yang menarik ialah kerusi dan meja mudah alih berkonsepkan mangkuk tingkat atau siya. Ia mudah dilaraikan untuk dimasukkan ke dalam kenderaan untuk di bawa. Mejanya juga dilengkapi laci untuk mengisi barang.



Lampu lantai (floor lamp) berkonsepkan pahlawan galaksi dengan teknik batik blok daripada inspirasi watak-watak dalam Star Wars menggunakan elmen kain Pua/Kumbu.

Sementara itu 'booth' UPM memenangi tempat kedua kategori 'Best Booth Design-Shell Scheme' pada EFE itu, untuk menerima wang taunai RM2,000 serta plak yang disampaikan Presiden Majlis Perabot Malaysia (MFC), Chua Chun Chai. – UPM

Kemaskini: 23/03/2018 [syifarida]

PERKONGSIAN MEDIA

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

✉ marketing@upm.edu.my

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN


Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spln.upm.edu.my>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my/2ee/portal/login.jsp>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)
 1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)
 Multimedia Super Corridor (<http://www.mscomalaysia.my>)
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)
 Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.r>)
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.r>)
 Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengena_kami/n8202)
 Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)
 Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu>)
 Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)
 Poliklinik Putra Medik (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)
 Takwim UPM 2018 (<http://www.upm.edu.my/unggah/dokumen/2018.pdf>)



Dokumen

Newsletter

Tetapan

[Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#) | [Penafian \(/footnote/penafian-29938\)](#) | [Dasar Keselamatan \(/footnote/dasar_keselamatan-29939\)](#) | [Dasar Privasi \(/footnote/dasar_privasi-29949\)](#) | [Hakcipta \(/footnote/hakcipta-29950\)](#) | [RSS \(/rss\)](#)

© 2018 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**